

06 JUN 1996

Mahathir-MB Kedah

PM TERUS BERMAIN TEKA-TEKI SOAL PERLANTIKAN MB KEDAH

KUALA LUMPUR, 6 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini terus mengajak wartawan bermain teka-teki mengenai perlantikan Menteri Besar Kedah yang baru apabila beliau menjawab semua soalan berhubung perkara itu secara berseloroh.

Ketika ditemui pemberita selepas majlis penyampaian Anugerah Khidmat Cemerlang 1995 Kementerian Dalam Negeri, di sini, Perdana Menteri berkata, beliau hanya akan mengumumkan nama pengganti Tan Sri Osman Aroff apabila sudah bersedia untuk berbuat demikian.

Pada 24 Mei lepas, Dr Mahathir, pada persidangan berita sekembalinya dari lawatan kerja 12 hari di luar negara, berkata beliau sudahpun menerima perletakan jawatan Osman sebagai Menteri Besar Kedah tetapi belum membuat keputusan mengenai penggantinya.

Bagaimanapun, Osman, ketika ditanya pemberita mengenai perletakan jawatannya itu, berkata Perdana Menteri mahu menggantikan beliau dengan bekas Menteri Pertanian, Datuk Seri Sanusi Junid.

Hari ini, Perdana Menteri terus diaju pelbagai soalan mengenai perkara itu dan beliau memberikan jawapan seperti berikut:

+ "Kedah, apa pasal Kedah," ketika diminta izin oleh pemberita untuk bertanya mengenai politik negeri itu selepas beliau menjawab secara panjang lebar soalan mengenai matlamat kerajaan untuk mencapai taraf piawaian ISO 9000 dalam sektor awam di negara ini.

+ "Tak tahulah baru duduk fikir," ketika ditanya sama ada Sanusi sudahpun diberikan surat perlantikan.

+ "Selalu masuk. Saya jumpa dia baru ni di Langkawi," ketika ditanya tujuan Sanusi menemui beliau di pejabatnya kerana kereta anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Kuah itu kelihatan memasuki perkarangan Jabatan Perdana Menteri hari ini.

+ "Saya tak tahu, tanya dialah," ketika diminta mengesahkan sama ada benar Sanusi akan mengangkat sumpah sebagai Menteri Besar Kedah Ahad ini.

+ "16 kah, 17 kah?" ketika ditanya sama ada benar Sanusi akan mengangkat sumpah pada 16 Jun ini.

+ "Bila saya dah sedia, saya buat keputusan," ketika ditanya mengapa beliau mengambil masa yang agak lama untuk mengumumkan nama pengganti Osman.

+ "Orang tengah studylah, tak pass lagi," ketika ditanya mengapa beliau belum bersedia untuk membuat pengumuman itu.

+ "Tak tahu. This is state secret ... I cannot tell you," ketika ditanya sama ada benar Osman minta tarikh penguatkuasaan perletakan jawatannya ditangguhkan sehingga akhir bulan ini kerana sebab-sebab tertentu.

+ "Tanya pasal lainlah pula," katanya ketika meminta supaya soalan lain dikemukakan dan ini disusuli dengan beberapa soalan mengenai usaha menyelamatkan Perwaja.

-- BERNAMA.

AH AHH